

Risau guru tak restu

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

Pelajar bakal ambil PMR bimbang dapat keputusan teruk kerana kelas nakal

? Saya pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah di ibu kota. Kebanyakan pelajar dalam kelas saya bijak kerana mereka mendapat 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Ibu bapa kami juga ramai yang mempunyai pekerjaan baik dan profesional. Kami terdiri daripada pelajar berbilang kaum.

Masalahnya, kelas saya boleh dikatakan 'degil' kerana pelajar suka membuat bising tidak kira masa dan ada yang tidak mengengkar kata.

Hal ini menyebabkan saya tidak boleh fokus di dalam kelas. Saya akan menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun ini. Saya takut perkara ini akan menjejaskan keputusan PMR saya.

Selain itu, ada antara kawan-kawan saya tidak hormat kepada guru sehinggakan ada sebilangan kecil guru itu kecil hati. Saya takut sekiranya guru terbabit enggan mema-

afkan segala kesilapan pelajar.

Saya juga tidak seronok dengan suasana di dalam kelas sekarang kerana mendapat tahu ramai guru di sekolah tidak 'suka' kelas saya.

Saya ingin meminta maaf kepada semua guru, cuma takut guru yang mengajar kelas saya tidak 'sudi' memaafkan kenakalan kami.

Saya juga tidak mahu guru tidak memberkati kami sebagai pelajarinya.

**PELAJAR KESAL,
Kuala Lumpur**

! Terima kasih kerana menjadi pelajar yang baik. Adik sentiasa peka dengan keadaan di kelas termasuk perasaan guru. Ciri ini satu ciri yang positif. Cikgu yakin adik seorang pelajar berpotensi cemerlang pada masa hadapan.

Pekerjaan guru adalah satu profesion yang mulia. Dr amat percaya guru di negara ini mempunyai jiwa cekal dan semangat kental ke-

arah mendidik pelajar yang cemerlang akal budinya dalam dunia tanpa sempadan.

Ini kerana mereka mendapat latihan yang mencukupi sama ada di institut pendidikan guru atau universiti.

Hamka pernah berkata: „Seorang guru, baik guru mengajar atau guru di sekolah atau seorang guru yang hanya sekali kita temui tetapi kita beroleh pelajaran daripadanya, semuanya adalah jasa tidak dapat dibalas dengan harta benda.“

Dr juga percaya dengan ketinggian dan kemuliaan martabat guru kepada setiap manusia. Peribahasa Melayu mengingatkan kita „Berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi.“

Pekerjaan seorang guru juga dipandang tinggi dalam agama Islam. Menurut pandangan Islam, orang yang menjadi guru diberi oleh Allah kelebihan berganda. Hadis Nabi Muhammad s.a.w bermaksud „Bahawa orang yang berilmu harus mengajarkan ilmu pengeta-

? Saya mempunyai seorang kekasih yang sangat disayangi, malangnya kami berlainan ideologi politik. Perhubungan kami sangat indah, namun pergaduhan boleh tercetus jika kami berbincang mengenai politik.

Saya sangat takut perkara ini akan mengganggu hubungan kami terutama apabila berkahwin nanti. Sekarang ini pun saya lihat bermacam-macam kejadian buruk berlaku apabila dikaitkan dengan politik.

Saya tidak mahu kejadian itu menimpa kami andai kata kami selamat melangkah ke alam perkahwinan.

Adakah hubungan kami berada dalam landasan yang benar apabila pandangan politik kami berbeza. Ada juga kawan-kawan saya yang mengatakan hubungan kami tidak akan kekal kerana kami mempunyai dua perbezaan politik yang nyata. Bantulah saya.

huan kepada orang lain dan pekerjaan mengajar itu amat terpuji.“

Guru yang baik akan sentiasa memaafkan kesilapan anak-anak murid mereka. Mereka juga tidak pernah akan merasakan kecil hati atau benci terhadap anak murid mereka. Nilai murni guru ialah melihat anak murid mereka berjaya dalam kehidupan.

Pasangan berbeza fahaman politik

**GADIS TERTEKAN,
Selangor**

! Dewasa ini isu berkaitan politik memang banyak diperkatakan dan ada yang membawa kepada kekeliruan dari sudut kesejahteraan emosi.

Dalam masalah adik, kata bijak cinta: „Kesungguhan cinta dan ketulusan cinta akan luntur hanya dengan rasa keegoan“

Begitu juga, sering kali kita merasa mencintai tapi yang terjadi sebenarnya adalah kita hanya mementingkan perasaan dan kewujudan kita saja“.

Maksud kata-kata cinta di atas ialah kita tidak boleh membenarkan perbezaan pandangan atau ideologi untuk merosakkan hubungan cinta yang terbinas atas perasaan suci.

Begitulah adik dan ke-

kasih tidak boleh membenarkan rasa ego dan perbezaan perasaan atau pandangan menghambat dan mengganggu hubungan cinta anda.

Cinta adik kepada kekasih hendaklah seperti sungai yang sentiasa mengalir kesegarannya seperti kata cinta „jangan mencintai seseorang seperti bunga kerana bunga mati kala musim berganti. Cintailah mereka seperti sungai kerana sungai mengalir selamanya“.

Justeru, untuk cinta terus segar dan mekar hingga ke jenjang pelamin, jangan biarkan perkara yang tidak menyumbang kepada suburnya perasaan cinta anda.

Cari penyelesaian atau jalan tengah agar perbincangan mengenai ideologi politik tidak bertukar menjadi pergaduhan.

Bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab murid untuk menghormati guru mereka.

Adik akan menduduki peperiksaan besar pada tahun ini. Persediaan rapi perlu dilakukan. Mengenai persiapan adik menjelang PMR, memang adik perlu serius untuk mengulangkaji pelajaran.

Masanya tidak lama lagi

dan adik perlu tumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran.

Membaca dan mengulangkaji boleh adik lakukan di sekolah dan di rumah. Jika di sekolah terlalu bising, adik kena berikan tumpuan yang lebih untuk mengulangkaji di rumah. Semoga adik akan berjaya dalam pelajaran dan juga kehidupan.